INSTITUT MILLENNIA
2017 PROMOTIONAL EXAMINATION 2
PU2 H1 ML KERTAS 1 BAHAGIAN 2
SKEMA JAWAPAN

SOALAN A1			(2 markah x 5)
1.	puncak	-	memuncak
2.	Alih	-	Peralihan
3.	juang	-	memperjuangkan
4.	Lain	-	Selain
5.	selang	-	diselangi
SOALAN A2			**(2 markah x 5)**
6.	E		Meski tertimbun dalam tanah, namun teras timbul juga
7.	H		Ular dipukul biar mati, kayu pemukul jangan patah, tanah dipalu jangan lembang
8.	D		Akal tak sekali datang, runding tak sekali tiba
9.	B		Menaburkan benih di tanah yang subur
10.	G		Bukannya diam penggali berkarat, melainkan diam ubi berisi
BAHAGIAN B			**(2 markah x 10)**
11.	Sebagai		
12.	memupuk		
13.	erat		
14.	bersedia		
15.	Bahkan		
16.	mengelakkan		
17.	dibendung		
18.	akal		
19.	memadai		
20.	menggores		

BAHAGIAN C (40 markah)

21	**Berdasarkan petikan yang telah diteliti, huraikan peranan akal yang dianugerahkan kepada manusia. (6 markah)**	
Isi 1	mengkoordinasi organ badan.	2 markah
Isi 2	memberikan tindak balas spontan berdasarkan kebiasaan.	2 markah
Isi 3	membenarkan manusia berfikir semasa melakukan pelbagai perkara untuk mencapai matlamat tertentu.	2 markah

22	**Manusia menggunakan banyak waktu untuk berfikir. Menurut penulis, apakah faktor-faktor yang perlu ada sebelum seseorang itu boleh berfikir? (6 markah)**	
Isi 1	Faktor pertama ialah **gerakan minda yang memerlukan kekuatan atau daya untuk mencetuskan sesuatu perkara yang baharu dalam fikirkan.**	2 markah
Isi 2	Faktor kedua ialah **kemahiran (untuk menjana proses berfikir) yang boleh diasah melalui perbuatan menyusun maklumat, konsep atau idea secara sistematik** sebelum seseorang membuat kesimpulan yang tepat sebelum bertindak.	2 markah
Isi 3	Faktor ketiga ialah **adanya situasi yang meragukan atau timbulnya sesuatu masalah yang akan menggesa akal untuk mencari makna dan penyelesaian dalam apa sahaja bentuk.**	2 markah

23i)	**Kualiti sesebuah pemikiran bergantung pada penerapan prinsip pemikiran. Jelaskan. (6 markah)**	
Isi 1	**Prinsip pemikiran yang pertama ialah sikap positif semasa berfikir**; dia berusaha mengelakkan sikap negatif untuk menikmati tahap pemikiran yang baik. Si pemikir perlu sentiasa mengikis sikap ego.	2 markah
Isi 2	**Prinsip pemikiran yang kedua ialah penggunaan pelbagai kemahiran berfikir untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.** Seseorang harus sentiasa bertanya kepada diri sendiri sepanjang proses berfikir. Mereka harus menilai keberkesanan proses berfikir serta mengambil kira emosi orang lain tatkala berfikir.	2 markah
Isi 3	**Prinsip pemikiran yang ketiga ialah penelitian alternatif lain sebelum membuat keputusan**. Setiap idea mesti dilihat secara global supaya perincian yang digunakan selari dengan skop yang sebenar.	2 markah

23ii)	**Nukil ayat yang menunjukkan bahawa ada sesetengah orang yang tidak sedar akan kuasa minda yang dimilikinya. (2 markah)**	
	Mereka merasakan bahawa apa-apa sahaja yang dilakukan sudah cukup hebat dan tidak mampu lagi melakukan lebih daripada itu.	2 markah

24. Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut menurut konteks petikan karangan yang diberikan:

(i)	menjana	menghasilkan	2 markah
(ii)	penyelesaian	perbuatan menyiapkan/menyudahkan sesuatu	2 markah
(iii)	mengambil kira	mempertimbangkan, memperhitungkan	2 markah
(iv)	terserlah	menonjol	2 markah

25. Berdasarkan petikan di halaman 6, ringkaskan perenggan **enam, tujuh, lapan dan sembilan** dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Isi	4 isi yang lengkap (ada isi utama dan isi sampingan)	8 markah
Bahasa	Ayat-ayat yang dihasilkan menimbulkan kesatuan idea.	4 markah

	ISI UTAMA	ISI SAMPINGAN
6.	Minda yang hebat mampu melahirkan manusia yang terserlah	(yang) mampu membawa perubahan di atas muka bumi
7.	Otak tidak pernah ada halangan untuk berfikir	biarpun telah digunakan pada tahap 'maksimum'.
8.	Seseorang perlu membanyakkan berfikir	agar bersinar.
9.	Ada manusia yang menggunakan otak untuk melakukan kejahatan.	untuk mendapatkan sesuatu yang bukan milik mereka.

Perhatian;
1. Setiap isi yang lengkap (isi utama + isi sampingan) diberikan 2 markah.
2. Sekiranya isi utama diberikan tanpa isi sampingan (bagi setiap set), diberikan 1 markah.
3. Sekiranya isi sampingan diberikan tanpa isi utama, tiada markah diberikan.